



Tema Prapaska 2024

'Gereja Meraikan Persaudaraan sesama Manusia'



Tema Prapaska 2024 untuk Keuskupan Agung Kuala Lumpur ialah '**Gereja Meraikan Persaudaraan sesama Manusia**' (Mt. 7:12), ia datang daripada Tema PMPT untuk Februari 2024 dan Perjalanan Sinodal (Tema Gereja dari Ogos 2023 –Julai 2024) yang menekankan kepentingan perpaduan, solidariti, dan menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira perbezaan budaya, agama, atau etnik. Ia adalah 'Peraturan Emas' untuk dilakukan kepada orang lain seperti yang anda mahu mereka lakukan kepada anda.

Tema ini mencerminkan cita-cita **keharmonian, keamanan dan kerjasama** di kalangan individu daripada pelbagai latar belakang. Ia berakar umbi dalam konsep mengiktiraf dan menghargai kemanusiaan yang dikongsi di kalangan semua individu.

* *





Kebaikan Bersama: Pembaharuan dan pengukuhan ikatan persaudaraan sesama manusia, samada di dalam dan di luar Gereja, bagi mendapatkan inspirasi daripada ajaran kasih sayang, belas kasihan dan memahami yang boleh didapati dalam pelbagai tradisi agama dan etika. Ia menekankan kepentingan dialog, dan bekerjasama untuk kebaikan bersama, memupuk semangat kekitaan dan saling memahami.

Pembangunan Insan Integral: Gereja, melalui tema Prapaska ini, adalah untuk menyokong dan mempromosikan nilai-nilai bagi menjunjung maruah setiap orang, dan berusaha untuk merapatkan jurang, menggalakkan persefahaman dan menggalakkan budaya penerimaan dan empati. Tema holistik ini sejajar dengan kepercayaan bahawa kepelbagaian budaya dan tradisi boleh wujud bersama secara harmoni, dan menyumbang secara positif kepada peningkatan komuniti dan masyarakat.



Penglibatan dalam Program Khidmat Masyarakat: Gereja menyokong dan mengiktirafkan serta menpromosikan persaudaraan manusia melalui penglibatan program khidmat masyarakat yang menggalakkan dialog antara agama, komuniti dan inisiatif sosial. Penglibatan sedemikian adalah untuk menyokong mereka yang memerlukan, untuk membina jambatan dan memperkayakan persefahaman di kalangan orang yang berbeza latar belakang. Program khidmat masyarakat adalah untuk menyokong inisiatif yang menggalakkan keamanan, penyelesaian konflik, dan mengejar keadilan dan kesaksamaan bagi setiap manusia.

Panggilan Bapa Suci: Paus Francis ialah pembela untuk persaudaraan manusia, menekankan kepentingan inklusif, solidariti, dan keamanan dalam kalangan manusia dari pelbagai agama. Surat-surat dan ucapan umum Bapa Suci menekankan keperluan untuk menghormati, persefahaman dan kerjasama antara individu dan komuniti. Dalam surat ensikliknya *Fratelli Tutti* (Mengenai Persaudaraan dan Persahabatan Sosial), Bapa Suci menekankan perumpamaan Orang Samaria yang Baik Hati, mencabar kita untuk menjadi jiran yang baik, dan memperbaharui serta mempromosikan persaudaraan sesama manusia.

* * *



Kepentingan Solidariti: Tema inklusif ini menggariskan kepentingan perpaduan, solidariti dan saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira perbezaan sosio-ekonomi, budaya, agama atau etnik mereka.

Kemanusiaan Bersama: Tema ini menumpukan perhatian kepada persaudaraan manusia bahawa tanpa mengira perbezaan kita, kita berkongsi kemanusiaan yang sama dan berusaha untuk memupuk dunia dengan sikap saling menghormati, empati dan kerjasama.

Kemanusiaan Dikongsi: Mengakui bahawa kita semua adalah satu keluarga besar, tema ini memberi refleksi akan keharmonian, keamanan dan kerjasama dalam kalangan individu daripada pelbagai latar belakang. Ia adalah untuk mengiktiraf dan menghargai kemanusiaan yang dikongsi di kalangan semua individu.





“Yesus meminta kita untuk tidak memutuskan siapa yang cukup dekat untuk menjadi jiran kita, tetapi kita sendiri menjadi jiran kepada semua orang.”

Pope Francis - Fratelli Tutti (80)

* *

